

# TPM mahu rumah rakyat dilaksana ikut jadual

UM 19 JAN 2002

KANGAR 18 Jan. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu supaya pembinaan rumah rakyat di bawah projek bersepadu bagi Kuala Lumpur dan bandar utama di seluruh negara dilaksanakan segera mengikut jadual.

“Tambahan kepada kepercayaan kontraktor yang diambil dalam Program Perumahan Rakyat (PPR), kita ada masalah untuk berhadapan dengan peruntukan kewangan yang diperlukan untuk tujuan itu.

“Peruntukan sudah ada, projek sudah ada (ditangan kontraktor) dan rakyat yang menunggu pun sudah ada. Kalau boleh, kita hendak projek ini dilaksanakan dengan cepat dan seboleh-bolehnya mendahului jadual,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah PPR Kangar di Seberang Bakau di sini, hari ini.

Sebanyak 480 unit rumah pangsa bernilai RM21.56 juta akan dibina di dua blok setinggi 14 tingkat oleh Syarikat Indera Construction Sdn. Bhd. di Seberang Bakau, untuk disewakan pada harga berpatutan kepada golongan berpendapatan rendah.

Di bawah PPR Kangar juga, 40 blok rumah pangsa liti tingkat yang mengandungi 748 unit bernilai RM33.5 juta akan dibina di Bintong dekat sini.

Projek yang diwujudkan di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) itu dilaksanakan sebagai satu usaha menyelesaikan masalah perumahan dan setinggan terutama yang terlibat dengan projek pembangunan.

Abdullah mengulangi gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya peruntukan kewangan bagi pembangunan projek kecil untuk kepentingan rakyat dibelanjakan sebaik-baiknya.

“Dr. Mahathir pun pelik kerana di Malaysia, kita ada wang peruntukan cukup banyak tetapi tidak dibelanjakan, sedangkan (negara) lain tidak ada wang sehingga terpaksa berhutang di sana-sini. Kita di sini disuruh belanja tetapi tidak habis,” katanya.

Abdullah mengingatkan agensi kersjaan termasuk kerajaan negeri supaya menghabiskan peruntukan untuk projek yang telah diluluskan oleh kerajaan Pusat, agar projek pembangunan baru dapat dirancang untuk rakyat.

Beliau memberitahu kebanyakannya ialah projek pembangunan yang tertangguh semasa negara mengalami kegawatan ekonomi pada 1997.

“Ini bukan projek membazir tetapi untuk kepentingan rakyat,” katanya.

Menurut beliau, pakej rangsangan ekonomi bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan tahun lalu membuktikan kerajaan prihatin terhadap kebajikan dan kehendak rakyat.